

24 NOV 1999

DR MAHATHIR LAWAT BADAN PERHUBUNGAN UMNO SELANGOR

SHAH ALAM, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan kira-kira sejam untuk menemui para pemimpin Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor dan bekas anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini malam ini.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di pekarangan bangunan ibu pejabat Badan Perhubungan Umno Selangor pada kira-kira pukul 9 malam dengan disambut oleh Menteri Besar merangkap pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beliau kemudian mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira sejam dengan para pemimpin Umno negeri.

Turut hadir pada majlis itu ialah bekas Menteri Besar Tan Sri Muhammad Muhamad Taib dan bekas anggota DUN Selat Klang, Datuk Onn Ismail.

Pada kira-kira pukul 10 malam beliau diiringi Abu Hassan beredar meninggalkan majlis untuk menuju ke bandar Sunway bagi menghadiri majlis perjumpaan dengan rakyat.

-- BERNAMA

AZH AKD